

300 RUMAH BASAH

Oleh Mohd Hilmie Hussin dan Mohamad Yatim Latip
mohdhilmie@hmetro.com.my
Melaka

Sekurang-kurangnya 300 rumah terjejas akibat banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di daerah Melaka Tengah dan Jasin, semalam.

Setiausaha Kerajaan negeri Datuk Wira Naim Abu Bakar berkata, antara kawasan di daerah Melaka Tengah yang terjejas ialah Kampung Pulau Kelapa, Batu Hampar, Kampung Musai, Permatang Duyong, Bukit Katil, Gajah Beh-

rang, Jalan Hang Tuah, Telok Mas dan Kampung Godek.

Beliau berkata, dua kawasan yang terjejas di Jasin pula ialah Kampung Umbai dan Kampung Pulau.

Menurutnya, kejadian banjir kilat itu dipercayai berlaku akibat hujan lebat lebih lima jam sejak jam 5 pagi semalam.

"Banjir kali ini tidak terlalu teruk yang terjadi akibat hujan lebat yang serentak dengan air laut pasang, jadi kita tidak boleh melepaskan air ke laut.

"Sehingga jam 3 petang tadi (semalam), air belum surut tetapi saya pasti keadaan akan bertambah baik men-

jelang petang, namun mengingatkan penduduk supaya bersiap sedia kerana mengikut ramalan kaji cuaca, hujan lebat dijangka terus berlaku pada sebelah malam," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri berkata, pusat pemindahan mangsa banjir di beberapa kawasan sudah diarah beroperasi 24 jam sebagai langkah berjaga-jaga.

Tinjauan Harian Metro di Kampung Umbai mendapati penduduk mendakwa air mula memasuki rumah mereka kira-kira jam 6.30 pagi.

Seorang penduduk Rosta Jamak, 58,

berkata, selepas menunaikan solat subuh di surau, dia tidak jadi pulang ke rumah selepas anak dan cucunya menunggu di luar surau memaklumkan rumah dinaiki air.

Seorang lagi penduduk Rosnah Hashim, 60, berkata, belum pernah berlaku kejadian banjir sehingga rumahnya yang terletak bersebelahan surau itu tenggelam sedalam hampir satu meter.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner Shaikh Abdul Adzis berkata, sehingga jam 5 petang semalam, dua kawasan iaitu Kampung Pulau Kelapa dan Per-

matang Duyong air masih belum surut.

"Bagaimanapun, semua jalan raya sudah dibuka untuk lalu lintas.

"Sehingga jam 5.30 petang tadi (semalam), kita menerima 221 laporan polis berkaitan banjir kilat di daerah ini," katanya ketika dihubungi.

Polis Daerah Jasin Deputy Superintendan Muhd Nur Hishamuddin Hashim pula berkata, kira-kira 100 rumah terjejas di Kampung Umbai dan Pulau.

"Keadaan di daerah ini masih terkawal, namun kita minta penduduk sentiasa berhati-hati menghadapi sebarang kemungkinan," katanya.



Reza Hakimi Rizam, 8, bersama adiknya, Muhammad bermain menggunakan tong.



PENDUDUK sedang mengangkat barang keperluan yang masih boleh diselamatkan.



KANAK-KANAK mengambil peluang bermain air di Kampung Pulau Kelapa, Batu Hampar.

